



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**16 November 2019**

1. Dua Lelaki cederakan anjing ; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Local</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="7"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>16.11.2019</b>			

## Dua lelaki didakwa cederakan anjing

**Kuala Lumpur:** Dua lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam masing-masing atas tuduhan mencederakan seekor anjing pada Januari dan November lalu.

Pemandu peribadi, Amir Abd Salim Meor Lope, 51, dan pemandu lori, S Mathialakan, 55, selaku Orang Kena Saman (OKS) bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Manira Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan, Amir didakwa dengan kejam mencederakan seekor anjing hingga menyebabkan kesakitan yang tidak se-

patutnya di belakang bengkel kereta tidak bernombor di Taman Beringin, Jinjang Utara, antara 4 dan 5 Januari lalu.

Mathialakan pula didakwa melakukan perbuatan sama ke atas seekor anjing di hadapan sebuah rumah di Taman Maluri pada jam 7.23 pagi, 10 November lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e), Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1), akta sama yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-dua sekali jika

sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Hasiah Musa manakala peguam SI Rajah mewakili Mathialakan dan Amir Abd Salim tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Hasiah memohon jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin bagi setiap OKS, bagaimanapun Rajah dan Amir masing-masing merayu dikenakan jaminan rendah.

Mahkamah kemudian membenarkan kedua-dua OKS diikat jamin masing-masing RM3,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 18 Disember depan untuk sebutan semula kes. Mereka membayar jaminan itu.

**Mahkamah menetapkan 18 Disember depan untuk sebutan semula kes**